

ZCZC 8529
MAHATHIR-INSTITUT

82
KUALA LUMPUR, 2 DIS. (BERNAMA) -- KABINET TELAH MELULUSKAN PENUBUHAN INSTITUT KAJIAN STRATEGIK YANG AKAN DITEMPATKAN DI IBU NEGARA; PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

RANG UNDANG-UNDANG BAGI PENUBUHANNYA AKAN DIBENTANGKAN DI PARLIKEN SESSI INI; KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENYAH-PAIKAN DIPLOMA KEPADA PENUNTU -PENUNTUT YANG MENGHADIRI KURSUS 11 BULAN DI MAKTAB TURUS ANGGARAN TENTERA (MTAT) DI SINI.

BELIAU MENAMBAH, BAGAIMANAPUN, SEKIRANYA TERLALU BANYAK RANG UNDANG-UNDANG HENDAK DIBENTANGKAN PADA SESSI INI, IA AKAN DIBENTANG PADA SESSI AKAN DATANG.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN BERKATA SEBUAH BANGUNAN SEDANG DICARI UNTUK DI SEWA BAGI MENEMPATKAN INSTITUT TERSEBUT.

PERUNTUKAN BAGI INSTITUT ITU YANG AKAN DIPENGERUSIKAN OLEH BEKAS PERDANA MENTERI DATUK HUSSEIN ONN, BELUM LAGI DIBUAT, KATANYA LAGI.

-- LAGI 1238/AI

ZCZC 8530

MAHATHIR-INSTITUT

FUNGSI INSTITUT ADALAH UNTUK MENGAJI PERGOLAKAN DAN PERKEMBANGAN POLITIK DAN EKONOMI DUNIA SUPAYA NEGARA INI MEMAHAMINYA DAN MEMBENTUK DASAR-DASAR YANG SESUAI DENGAN PERGOLAKAN-PERGOLAKAN TERSEBUT.

SEBELUM ITU, KOMANDAN MAKTAB BRIG. JEN. HAJI MUSTAFFA BIN AWANG DALAM UCAPANNYA BERKATA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA TELAH BERSE-TUJU UNTUK MENGENDALIKAN PROGRAM PENGAJIAN STRATEGI MAKTAB MULAI TAHUN DEPAN.

PENGAJIAN ITU AKAN DIBERI NAFAS BARU DENGAN TUMPUAN KEPADA HAL EHWAL NEGARA DAN SERANTAU SEMENTARA WAKTU PERKULIAHAN AKAN DITAMBAH DARI 40 KEPADA 75, TAMBAHNYA.

SEBUAH PUSAT PENGAJIAN KESELAMATAN DAN PEMBANGUNAN (KESBAN) JUGA AKAN DITUBUHKAN PADA TAHUN DEPAN. KONSEP KESBAN MERANGKUMI ASPEK KESELAMATAN DAN PEMBANGUNAN, KATANYA.

PUSAT TERSEBUT AKAN MEMPUNYAI TARIKH SENDIRI UNTUK PENYIMPANAN SEGALA DOKUMEN DAN MAKLUMAT YANG BERKAITAN BAGI RUJUKAN MASA DEPAN.

+IA JUGA AKAN MENJADI SEL NADI UNTUK PERBINCANGAN MENGENAI KESBAN DAN KAJIAN KESELAMATAN, + KATANYA LAGI. -- LAGI 1242/AI

ZCZC 8531;

MAHATHIR-INSTITUT 3 KUALA LUMPUR

LAIN-LAIN PERUBAHAN DALAM KURIKULUM MAKTAB TERMASUK PENDEKATAN BARU KEPADA MODULE PENGURUSAN, PENGAJIAN STRATEGI DAN SISTEM PENI-LAIAN, KATANYA.

MAKTAB ITU JUGA AKAN BEKERJASAMA DENGAN INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) DALAM KURSUS PENGURUSAN DIMANA PENUMPUNGAN AKAN DIBERIKAN KEPADA ASPEK PENINGKATAN DAYA PENGELUARAN, KESEDARAN KE ATAS FAEDAH - KOS PENGGUNAAN KOMPUTER DAN PRESTASI DALAM PENGURU-SAN DAN KEPIMPINAN AMNYA.

BRIG. JEN. HAJI MUSTAFFA BERKATA MAKTAB ITU JUGA AKAN MENGELUAR-KAN SEBUAH JERNAL TENTERA DARAT YANG AKAN MEMAPARKAN ARTIKEL-ARTIKEL MENGENAI DOKTRIN, PENGURUSAN, KEPIMPINAN DAN KETENTERAAN.

SERENTAK DENGAN ITU MAKTAB AKAN TERUS MENGENDALIKAN +WARGAMES+ DALAM SISTEM LATIHANNYA. WARGAMES ADALAH SATU ALAT MEMBUAT KAJIAN TAKTIK, TAMBAHNYA.

SEGALA UBAH SUAI DALAM MAKTAB ITU ADALAH UNTUK MEMBENTUK SATU GENERASI PEMIMPIN YANG PRODUKTIF, CEKAP DAN BERETIKA, SESUAI DENGAN PERJUANGAN KERAJAAN PIMPINAN DATUK SERI DR. MAHATHIR, KATANYA. -- LAGI 1249/AI

MAHATHIR-INSTITUT 4 KUALA LUMPUR

KOMANDAN ITU BERKATA KURSUS PADA TAHUN INI BERBEZA DARIPADA TAHUN-TAHUN YANG LAIN KERANA PADA PENGGAL KEDUANYA KONSEP +SERVICE WING+ TELAH DIPERKENALKAN, MENEKAN KEPADA PENGKHUSUSAN ILMU DALAM PERKHIDMATAN MASING-MASING IAITU TENTERA DARAT, TENTERA LAUT DAN TENTERA UDARA.

SERAMAI 144 ORANG PEGAWAI MENERIMA DIPLOMA MAKTAB TURUS. 16 DARIPADA MEREKA ADALAH DARIPADA AMERIKA SYARIKAT, GHANA, SUDAN, BANGLADESH, PAPUA NEW GUINEA, JEPUN, KOREA SELATAN, AUSTRALIA, NEW ZEALAND, BRITAIN DAN NEGARA-NEGARA ASEAN.

MEJ. LENG CHONG HOOI DARI KOR PERKHIDMATAN TELAH MENDAPAT HADIAH PERTAMA BAGI PENULISAN SEBUAH ESSEI DAN TEMPAT KEDUA DIMENANGI OLEH MEJ. MOHAMAD RAIH BIN HAJI ISMAIL DARI REJIMEN ABKAR MELAYU DIRAJA. -- BERNAMA 1253/AI